



UCAPAN
YB HANNAH YEOH
MENTERI BELIA DAN SUKAN

LAWATAN KE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN
IDRIS (UPSI)
BERSAMA PELAJAR-PELAJAR SAINS SUKAN

PANGGUNG PERCUBAAN, UPSI
22 JANUARI 2025 (RABU) | 2.30 PM

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

SALUTASI

- **Yang Berusaha Prof. Dato. Dr Md Amin Md Taff
Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris**
 - **Pengurusan Tertinggi UPSI**
 - **Para Pensyarah UPSI**
 - **Para pelajar Sains Sukan UPSI yang saya hormati**
1. Saya merasa bertuah kerana dapat membuka tirai 2025 dengan bertemu orang muda dan belia seperti **para pelajar Sains Sukan UPSI** yang berada di hadapan saya hari ini. Terima kasih kepada pihak pengurusan UPSI atas platform yang disediakan ini.

2. Pada tahun lepas, sebanyak 4 institusi pengajian tinggi (IPT) diberikan pengiktirafan **Pusat Satelit ISN** dalam bidang sains sukan. Ini termasuklah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan UPSI. Penubuhan Pusat Satelit ISN ini adalah untuk mewujudkan *high performance network* peringkat negeri. Pembudayaan elemen sains, perubatan dan inovasi penting dalam proses **pengenalpastian dan pembangunan bakat** dengan bantuan sains, data dan inovasi.
3. Oleh yang demikian, saya percaya bahawa kehadiran saya di sini hari ini adalah peluang terbaik untuk kita bertukar pandangan dan memperkukuhkan lagi hubungan antara Kementerian Belia dan Sukan dengan UPSI.
4. Sebagai pelajar Sains Sukan, anda pemangkin kepada pembangunan sukan di Malaysia. Anda akan menjadi individu yang

membentuk dasar, mengasuh bakat-bakat baru, dan memastikan industri sukan kita terus kompetitif di peringkat serantau dan antarabangsa.

5. Acap kali saya nyatakan, saya berhasrat untuk **fokus kepada penglibatan wanita dalam sukan** pada tahun 2025. Buat masa ini, terdapat seramai 4,659 atlet wanita dalam pelbagai peringkat (podium, pelapis kebangsaan dan negeri, bakat). Manakala seramai 5,194 atlet wanita dalam program khas (bola sepak, hoki, ragbi, bola jaring). Seramai 375 jurulatih wanita direkodkan dan seramai 180 (11.84%) daripada 1,519 AJK adalah pentadbir wanita dalam 217 persatuan sukan kebangsaan.
6. Dalam hal ini, terdapat keperluan lebih ramai pakar dan pengamal sains sukan wanita untuk mengendalikan **keperluan berasaskan gender**.

7. Menyedari hakikat ini juga, KBS melalui ISN telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan **Klinik Kesihatan Wanita** yang telah mula beroperasi pada 4 Oktober 2023. Usaha untuk memperkasa wanita dalam bidang sukan tidak terhenti di sini. Malah, sebuah taska (**Taska Team Mas**) untuk para atlet, jurulatih dan pegawai sukan sudah mula beroperasi di ISN awal tahun ini.

Para hadirin yang saya hormati,

8. Saya sebolehnya ingin membuktikan bahawa terdapat **prospek kerjaya yang cerah** dalam bidang sukan. Sehubungan itu, ISN dari semasa ke semasa menyediakan ruang dan platform perkongsian ilmu, kepakaran dalam bidang sains, perubatan dan teknologi. Ini bertujuan untuk memperkukuhkan ekosistem sukan di Malaysia. Justeru, wujudnya jalinan kerjasama strategik dengan beberapa pihak di dalam dan luar

negara.

9. Dalam hal ini, saya galakkan lebih ramai menceburi bidang sukan dan sains sukan kerana terdapatkan keperluan dan permintaan dalam ekosistem sukan. Bertepatan juga dengan hala tuju KBS dalam sains sukan. Integrasi sains sukan dilaksanakan di peringkat akar umbi melalui program pembangunan bakat seterusnya memupuk bakat muda yang berpengetahuan.

10. KBS juga akan meningkatkan penganjuran program-program pengurusan berat badan, kesihatan dan kecergasan kepada masyarakat. Ini sebagai langkah advokasi supaya masyarakat dan orang muda minat terhadap bidang sains sukan. Antara **bidang prospek** adalah sukan professional, sukan rekreasi, pendidikan sukan, penyelidikan dan pembangunan

produk serta kesehatan dan kecergasan.

11. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas inisiatif UPSI menubuhkan **STAR Wellness Hub**. Saya difahamkan pusat ini berfungsi sebagai khidmat rehabilitasi sukan untuk kegunaan pelajar terutama atlet UPSI. Saya harap IPT yang lain juga boleh mencontohi usaha-usaha yang dilaksanakan oleh UPSI.
12. Semoga lebih banyak peluang dan kolaborasi yang boleh dilakukan antara UPSI dan KBS pada masa hadapan.

Terima kasih.